

# **KUTKM lantik dua dekan baru**

**Archival News | Berita Harian | 23/06/2006**

KOLEJ Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) melantik Prof Madya

Dr Shahrin Sahib@Sahibuddin dan Prof Madya Dr Hanipah Hussin sebagai dua dekan baru, berkuat kuasa 1 Jun lalu.

Rektor KUTKM, Prof Datuk Ismail Hassan, berkata Shahrin dilantik sebagai Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, menggantikan Prof Dr Mohammad Ishak Desa yang tamat tempoh pinjamannya dari Universiti

Teknologi Malaysia (UTM).

Hanipah pula dilantik sebagai Dekan Pusat Perkhidmatan Akademik, menggantikan Prof Madya Dr Su'aidi Datuk Shafie yang dipinjamkan ke Universiti Brunei Darussalam.

"Tempoh pelantikan berkenaan selama dua tahun sehingga 31 Mei 2008. Mereka adalah bekas Timbalan Dekan (Akademik) di kedua-dua jabatan terbabit," katanya dalam kenyataan media.

Sementara itu, KUTKM juga melantik Prof Madya Abdul Rani Othman sebagai

Timbalan Dekan (Akademik) Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer bagi tempoh setahun, dan Mohamed Azmi Said memegang

jawatan Timbalan Dekan (Akademik) Fakulti Kejuruteraan Elektrik untuk dua tahun, mulai 1 Jun lalu.

(END) Source : Berita Harian